

## KAJIAN SEMANGAT PATRIOTISME DAN 1MALAYSIA DALAM KALANGAN MAHASISWA DI TIMUR TENGAH

Mohd Rumaizuddin Ghazali  
Mohd Rushdan Jalani

### Abstrak

*Artikel ini memfokuskan terhadap kefahaman semangat patriotisme dan 1Malaysia dalam kalangan mahasiswa dan harapan para mahasiswa Malaysia di Timur Tengah terhadap kepemimpinan negara Malaysia. Hasil kajian melalui siri temubual menunjukkan bahawa mahasiswa Timur Tengah masih lagi kabur dan tidak memahami konsep 1Malaysia dan semangat patriotisme dalam diri yang memerlukan penjelasan pihak berwajib dengan program merakyatkan pendekatan 1Malaysia dan semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa Timur Tengah.*

*Kata kunci:* Semangat Patriotisme, 1Malaysia, Perpaduan, Nasiolisme

### Abstract

*This article focuses on the understanding of the ideas of patriotism and 1Malaysia amongst the Malaysian students overseas. It also highlights the hopes and expectations of these Malaysian students in the Middle East on the national leadership. In general, through a series of interview session, the Malaysian students in the Middle East are still grappling with the 1Malaysia ideas including their patriotism spirit. This requires deeper and more frequent clarification through grassroot approach directly focused on these Malaysian students in the Middle East.*

*Keyword:* Patriotism, 1Malaysia, Unity, Nationalism

## Mukadimah

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap kefahaman semangat patriotisme dan 1Malaysia di kalangan pelajar Malaysia di Timur Tengah melalui temu bual dan juga pemerhatian melalui elemen perpaduan, kepemimpinan dan keadilan sosial. Di samping itu, kajian ini turut bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman patriotisme dan 1 Malaysia di dalam diri para mahasiswa dan pemimpin-pemimpin persatuan-persatuan di Timur Tengah serta program-program yang dijalankan dalam memupuk kefahaman tersebut. Ia juga untuk memahami persepsi serta harapan para mahasiswa Malaysia di Timur Tengah terhadap kepimpinan negara Malaysia.

## Takrif Patriotisme dan 1Malaysia

Dalam *Kamus Dewan*, nasionalisme bererti perasaan cintakan bangsa dan negara yang mendalam. Ia juga diertikan sebagai pergerakan untuk mencapai kebebasan ekonomi dan politik dari bangsa asing (*Kamus Dewan*, 1996:923). Hans Kohn (1969:16) memberi takrif dengan menyebutkan :

*“...is a state of mind permeating the large majority of the people and clanning permeate all its members; it recognise the nation state as the ideal form of political organisation and the nationality as the source of all creative cultural energy and economic wellbeing. The supreme loyalty of man is therefore due to his nationality his life is supposedly rooted in and made possible by its welfare.*

Kohn (1969) mentakrifkan nasionalisme sebagai satu keadaan fikiran yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk dalam kalangan semua anggotanya; dia mengiktiraf negara bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul dan bangsa sebagai punca segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Oleh itu, kesetiaan ulung manusia adalah tertumpu kepada bangsanya kerana kehidupannya sendiri adalah berdasarkan kepada atau dimungkinkan oleh kebijakan bangsanya (R.Suntharalingam dan Abdul Rahman Ismail, 1985:2). Beliau mengaitkan nasionalisme dengan sejenis pemikiran yang tertentu yang dinamik, ia tidak wujud sekadar sebagai sesuatu yang pasif atau di dalam keadaan yang tidak bergerak. Beliau menjelaskan

bahawa nasionalisme adalah satu tenaga idea yang memenuhi otak dan hati seseorang dengan pemikiran dan semangat yang baru dan mendorongnya untuk melahirkan kesedaran dalam bentuk tindakan-tindakan yang tersusun. Ia merangka ke arah tindakan membangunkan dan memelihara keutuhan negara bangsa ataupun membantu melahirkannya. Ia akan mengalirkan usaha-usahanya ke arah apa yang dianggapkan sebagai satu bentuk kegiatan yang tersusun yang paling sempurna iaitu sebagai sebuah negara berdaulat (R.Suntharalingam dan Abdul Rahman Ismail, 1985:4). Oleh itu, nasionalisme adalah kefahaman berbentuk kesetiaan tertinggi individu yang harus diserahkan kepada negara kebangsaan. Perasaan yang sangat mendalam akan suatu ikatan yang erat dengan tanah tumpah darahnya, tradisi-tradisi setempat dan penguasa-penguasa rasmi di daerahnya, selalu ada di sepanjang sejarah dengan kekuatan yang berbeza-beza (Hans Khon, 1984:11). Nasionalisme ialah satu keadaan fikiran seseorang yang menekankan perasaan cinta terhadap ibu pertiwi, mempunyai kebudayaan yang sama serta kesetiaan terhadap agama dan keturunan. Nasionalisme dikaitkan dengan pembentukan negara bangsa.

Nasionalisme menyatakan bahawa negara bangsa adalah cita-cita dan satu-satunya bentuk sah dari organisasi politik dan bahawa bangsa adalah sumber daripada semua tenaga kebudayaan kreatif dan kesejahteraan ekonomi (Hans Khon, 1984:12).. Nasionalisme juga diertikan sebagai kesedaran individu atau kumpulan akan keahliannya dalam sebuah negara, serta keinginan untuk mempertahankan negaranya, kebebasan dan kemakmuran. Individu atau kumpulan ini merasakan yang mereka mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap negara tersebut (Mohamad Idris Saleh, 1991:64). Oleh itu, nasionalisme bermaksud taat setia masyarakat atau sesuatu bangsa terhadap tanah air sendiri. Ia merupakan kesedaran politik dan semangat kebangsaan yang membawa individu mempertahankan kebebasan serta memperkuuhkan keutuhan negara. Terdapat empat motif bagi memperjuangkan nasionalisme iaitu:

1. Menentang dan cuba menghalau keluar penjajah yang dianggap membawa masuk unsur yang mengancam struktur politik dan identiti budaya pribumi

2. Mewujudkan perpaduan di kalangan penduduk pribumi
3. Mengembalikan tamadun lama
4. Menegakkan kedaulatan dan kemerdekaan negara (Mohamad Idris Saleh, 1991:64).

Nasionalisme juga diertikan sebagai perasaan untuk memelihara atau memperluaskan kebangsaan rakyat atau identiti kebangsaan. Apabila usaha-usaha itu tidak dapat dilaksanakan, maka akan dirasakan suatu kekurangan. Nasionalisme merupakan suatu ideologi yang mendominasi sekumpulan manusia untuk menaikkan taraf kumpulan mereka (Wan Mohd Azam, 1997:2).

Wan Hashim Wan Teh pula membahagikan nasionalisme kepada dua bahagian:

- a. Wujudnya kesedaran kesatuan kumpulan manusia yang mempunyai persamaan dari segi ‘ras’ agama, bahasa dan kebudayaan. Contoh nasionalisme ini ialah nasionalisme Melayu yang berakar umbi di abad ke 19 tetapi sampai ke kemuncak perkembangannya pada tahun 1946 dengan kemunculan UMNO.
- b. Nasionalisme ialah kesedaran yang membawa kepada penyatuan di kalangan manusia yang tinggal dalam satu batasan politik yang sama tetapi tidak semestinya mempunyai persamaan dari segi rasa, agama, bahasa dan kebudayaan. Apa yang penting di sini ialah rasa cinta dan kesetiaan yang mendalam terhadap tanah air sehingga sanggup berkorban nyawa daripada dibiarkan dicerobohi oleh pihak musuh (Wan Hashim, 1985).

Menurut Abdul Rahman Embong dan Rustam A. Sani, nasionalisme Melayu harus didefinisi semula supaya ia boleh menjadi pentakrif nasionalisme Malaysia. Ini dilihat sebagai memahami kehendak gagasan pembinaan bangsa Malaysia pada masa hadapan. Bagi orang Melayu, pembinaan bangsa Malaysia dilihat melemahkan kedudukan orang Melayu sendiri manakala orang bukan Melayu bersikap positif kerana ia mengakui hak mereka sebagai rakan kongsi yang sama darjat dalam pembentukan bangsa Malaysia (Abdul Rahman Embong, 2001:12). Bagi Ghazali Shafie, bangsa Malaysia boleh terbentuk dengan tiga syarat iaitu menjadi warga Malaysia,



mengamalkan cara hidup berlandaskan kebudayaan Malaysia dan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa hariannya. Walaupun terdapat pelbagai pandangan tentang bangsa Malaysia tetapi ia boleh ditakrifkan sebagai bangsa yang terdiri daripada semua kaum di Malaysia yang terbentuk dalam sejarah dan mempunyai perasaan sebangsa dengan nama kolektif (bangsa Malaysia) yang sama serta berkongsi wilayah, ekonomi, budaya dan nasib masa depan bersama dengan rupa bangsa yang sepunya (Abdul Rahman Embong, 2001:14).

Perkara ini adalah berdasarkan realiti Malaysia sebagai negara berbilang bangsa atau etnik, bahasa dan budaya. Maka, masalah politik yang dihadapi oleh Malaysia ialah bagaimana penduduk pelbagai etnik ini dapat menghapuskan perasaan taat atau menggantikannya dengan perasaan cinta terhadap negara. Perkara ini merupakan satu perkara yang perlu diatasi oleh seorang Perdana Menteri di Malaysia supaya persaingan antara bangsa dalam apa-apa bidang dapat dikurangkan. Oleh itu, cabaran kepada pemerintah Malaysia untuk mewujudkan keadaan yang dapat menarik fokus penduduknya daripada taat kepada bangsa kepada perasaan taat kepada negara.

Oleh itu, formula terbaik bagi mengatasi masalah ini ialah membentuk perasaan atau kesedaran taat kepada negara dan menggunakan konsep patriotisme sebagai ganti kepada konsep nasionalisme sama ada nasionalisme Melayu, nasionalisme Cina, nasionalisme India atau kesedaran terhadap unsur etnik dalam kalangan kaum-kaum lain. Negara mempunyai lambang-lambang atau institusi-institusi tertentu yang boleh digunakan untuk membentuk semangat patriotisme ini. Misalnya, bendera kebangsaan, lagu kebangsaan, konsep raja sebagai lambang kedaulatan negara, perlumbagaan negara atau sistem perundangan negara. Perkara ini amat penting dalam mewujudkan semangat patriotisme dan melenyapkan semangat perkauman (Hassan Ahmad, 2006). Patriotisme yang dibenarkan oleh Islam dalam erti cinta dan tanggungjawab terhadap bangsa dan negara yang berbeza dengan patriotisme Barat. Islam

menggandakan motivasi pelaksanaan tugas patriotik dengan menambahkan ganjaran dan hukuman ukhrawi kepada ganjaran dan balasan duniawi. Oleh itu pengabaian atau pengkhianatan terhadap tanggungjawab tersebut dianggap sebagai kesalahan yang membawa hukuman duniawi dan ukhrawi (Siddiq Fadhil, 1992:99). Oleh itu, kerajaan melihat perkara ini merupakan cabaran untuk mengalih pandangan rakyat Malaysia kepada semangat patriotisme sekaligus membentuk bangsa Malaysia. Bagi Malaysia sebagai sebuah negara, Perdana Menteri dan kerajaan perlu bersifat dengan semangat patriotisme melebihi semangat nasionalis.

## **1MALAYSIA: SATU PERSPEKTIF**

### **Pengenalan**

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama perlu menganggap diri mereka sebagai bangsa Malaysia yang berfikir dan bertindak ke arah mencapai satu matlamat. Seajar dengan ini, perpaduan yang sedia terjalin antara kaum di negara ini perlu diperkuuhkan lagi bagi mewujudkan suasana negara yang lebih aman, maju, selamat dan makmur. Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri, adalah langkah yang bertepatan dengan suasana dan cita rasa rakyat. Konsep ini selari dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip-Prinsip Rukun Negara.

1Malaysia membawa aspirasi untuk memperbaiki hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat. Perkara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan adalah perasaan hormat menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum. ‘1Malaysia’ juga akan mewujudkan sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan keutamaan rakyat sebagai mana slogan YAB Perdana Menteri iaitu ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’.

‘1Malaysia’ memerlukan kepimpinan dan rakyat yang berintegriti tinggi. Sifat jujur, berkebolehan, bercakap benar, telus, ikhlas dan amanah amat penting untuk melaksanakan tanggungjawab kepada negara. 1Malaysia memerlukan pemimpin yang bijak mentafsir dan memahami tugas yang diberi. Pemimpin cemerlang dan komited sewajarnya memiliki kebolehan yang tinggi dalam merancang, mengatur strategi, menilai prestasi dan menepati masa dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Kesungguhan dan komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab menjadi asas atau senjata paling ampuh dalam mencapai sesuatu kejayaan. Negara memerlukan rakyat yang berdedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh iltizam, azam dan tekad demi kepentingan dan kemajuan negara. Malaysia juga memerlukan pemimpin yang mesra rakyat dan sanggup berkorban masa, tenaga dan kewangan serta mengetepikan kepentingan peribadi demi negara Malaysia. Pemimpin yang bekerja dengan penuh dedikasi dan hati yang ikhlas akan mendapat sokongan dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Semua kaum perlu mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri. Negara ini adalah negara untuk semua rakyat, tanpa mengira kaum, agama, budaya serta fahaman politik. Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka adalah bangsa Malaysia di mana segalanya perlu dinikmati secara bersama. Malaysia memastikan tidak ada masyarakat atau kaum yang akan dipinggirkan daripada menikmati pembangunan dan pembelaan daripada kerajaan. 1Malaysia adalah pemangkin kepada pembentukan negara bangsa yang dapat membina Malaysia sebagai negara yang mempunyai sikap kesamaan dan kekitaan dalam kalangan rakyat. Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan. Pemimpin dan rakyat perlu memahami dan menghayati lapan nilai 1Malaysia, iaitu budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009: 7).

## Definisi 1Malaysia

Konsep 1Malaysia menurut penjelasan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak:

“Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. *One People*. dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita; Ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum Bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberi pertimbangan kepada golongan Bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan” (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009).

Nilai tambah dan pembaharuan dalam Konsep 1Malaysia iaitu “mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita” telah dilaksanakan kerajaan semenjak kemerdekaan negara lagi. Perkara ini berjalan dalam bentuknya yang tersendiri iaitu pihak kepimpinan negara melayani kehendak dan keperluan setiap etnik melalui wakil kaum masing-masing. Melalui konsep 1Malaysia, YAB Perdana Menteri mahukan setiap wakil rakyat bertindak melepas sempadan kaum masing-masing dan melebarkan khidmat mereka kepada kaum-kaum lain (Bahagian Penerbitan Dasar Negara 2009:11).

## Pengertian 1Malaysia

Pengertian 1Malaysia adalah berdasarkan hujah bahawa untuk mencapai status negara maju seperti mana yang diilhamkan melalui Wawasan 2020, syarat yang paling utama ialah sebuah negara yang kukuh dan stabil dan ini akan hanya dapat dicapai apabila rakyatnya bersatu padu. Perpaduan yang digambarkan oleh gagasan 1Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara lain di mana identiti kaum-kaum etnik dikenakan dan diganti dengan satu identiti nasional yang sama. Sebaliknya 1Malaysia menghargai dan menghormati prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan serta identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia, dan menganggapnya sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan. 1Malaysia menekankan sikap penerimaan di kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam



satu negara. Menjadi asas kepada semua ini adalah prinsip keadilan untuk semua kaum, yang membawa maksud bahawa nasib semua kaum akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan. 1Malaysia adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar ([www.1Malaysia.com.my](http://www.1Malaysia.com.my). Tarikh Akses 5 Sep. 2010)

### **Kedudukan Konsep 1Malaysia**

Konsep 1 Malaysia bukanlah satu wawasan atau gagasan pemikiran baru. Sebaliknya Konsep 1 Malaysia ‘Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ lebih merupakan satu konsep dalam bidang pentadbiran yang menyarankan pemimpin-pemimpin kerajaan menjalankan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab demi kepentingan rakyat.

### **Hubungan Konsep 1Malaysia dengan Dasar-Dasar Kerajaan Terdahulu**

Perkaitan antara konsep 1 Malaysia dan dasar-dasar megara terdahulu dinyatakan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Beliau menegaskan “konsep 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan, adalah kesinambungan daripada dua konsep yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri terdahulu. Konsep ini bukanlah suatu perkara baru. Sebaliknya ia merupakan satu usaha yang telah lama diamalkan. Usaha-usaha memelihara dan menjaga kepentingan rakyat serta negara sudah dilaksanakan sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Usaha-usaha membangunkan rakyat dan negara telah disambung oleh Perdana-Perdana Menteri seterusnya. Setiap Perdana Menteri mempunyai gagasan tersendiri, namun matlamatnya tetap sama iaitu untuk rakyat dan negara (Bahagian Penerbitan dasar Negara, 2009:16). ‘1Malaysia’ bermatlamat untuk mengekalkan dan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaiannya yang selama ini



menjadi kekuatan Malaysia serta rakyatnya dan kelebihan ini akan dipelihara sebagai bekalan terbaik untuk perpaduan. ‘1Malaysia’ juga akan mewujudkan sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan keutamaan rakyat seperti yang terpamer melalui slogan YAB Dato’ Sri Najib Tun Razak iaitu ‘Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan’.

### **Kefahaman Mahasiswa Malaysia Terhadap Patriotisme Dan 1Malaysia**

Kajian kes studi ini dilaksanakan dalam kalangan mahasiswa Malaysia yang berada di Timur Tengah dalam sekitar tahun 2009-2010 di negara Mesir, Jordan, Syria dan Arab Saudi. Temubual dilakukan dengan menanyakan tentang pengetahuan sejarah Malaysia, Rukun Negara, gagasan IMalaysia, program patriotisme yang dihadiri dan juga harapan kepada pemimpin negara.

Dari kajian pemerhatian dan temubual terhadap responden tersebut beberapa dapatan telah dihasilkan iaitu:

- i. 70% para mahasiswa mengakui memahami sejarah Malaysia dan rukun Negara dan 30% mengakui mengakui memahami dengan tepat. Kesimpulannya, majoriti mahasiswa memahami sejarah Malaysia dan juga elemen Rukun Negara.
- ii. 50% mengakui bahawa rukun negara dan kesetiaan kepada negara adalah penting dalam menanam semangat patriotisme. 10% tidak bersetuju dan 40% mengakui secara sederhana. Dapatan kajian member gambaran bahawa responden mengakui kepentingan memahami rukun negara dan unsur-unsur yang lain dalam menanamkan semangat patriotisme.
- iii. 60% bersetuju bahawa patriotisme dapat mempertahankan generasi pelajar dari serangan budaya luar, 10 % amat bersetuju dan 30 % mengatakan tidak bersetuju.
- iv. 50% dari mereka bersetuju bahawa patriotisme merupakan unsur penting dalam nasionalisme, 20% amat bersetuju dan 30% tidak bersetuju. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti memahami patriotisme penting dalam nasionalisme.

- v. 60% kurang bersetuju bahawa patriotisme dapat mencipta masyarakat adil dan saksama dalam kalangan rakyat dan hanya 40% bersetuju. Hal ini disebabkan pada pandangan mereka keadilan masyarakat terjamin dengan menghayati ajaran Islam yang sebenar dan melaksanakan hukum Islam.
- vi. 80% kurang bersetuju bahawa dasar-dasar yang dibentuk kerajaan menjurus ke arah perpaduan dan 20% mengatakan dengan sangat tidak tepat. Ini memperlihat bahawa dasar-dasar kerajaan menurut mahasiswa tidak menjurus ke arah perpaduan.
- vii. 80% bersetuju dan 20% amat bersetuju bahawa bahasa Melayu dapat memupuk semangat patriotisme. Dapatkan kajian menunjukkan kepentingan bahasa Melayu sebagai unsur penting dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa.
- viii. Para mahasiswa memerlukan program yang membantu ke arah memahami patriotisme dan perlu dianjurkan oleh persatuan pelajar dan kedutaan. 100% bersetuju bahawa bahawa pihak kedutaan dan persatuan perlu menganjurkan program-program tersebut. Malah majoriti bersetuju bahawa persatuan dan pihak kedutaan tidak membuat program-program ke arah isu tersebut.
- ix. 100% dari mereka amat bersetuju agar semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa luar negara perlu diteruskan oleh kerajaan melalui penerangan, seminar dan bengkel. 60% mengatakan akan melibatkan program kemerdekaan Malaysia dan program-program lain dan 40% tidak akan menyertainya. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti bersetuju untuk pihak berwajib melaksanakan program namun ada sebahagiannya enggan menyertai program-program tersebut. Hal ini menunjukkan mereka tidak bersedia untuk diberi didikan dengan patriotisme melalui bengkel dan seminar. Oleh itu, disarankan agar mekanisme yang lain digunakan seperti melalui sukan dan program yang bersifat santai.
- x. 100% mengatakan pemimpin Malaysia tidak ada semangat patriotisme yang tinggi. Perkara ini perlu

diberi perhatian oleh pihak yang berwajib kerana pendirian ini akan memberi impak yang negatif kepada pemimpin negara dan perlu diatasi segera. Perkara ini berlaku kerana mereka tidak melihat memperingati hari kebesaran negara dan lain-lain program yang dihadiri oleh pemimpin sebagai satu elemen patriotisme dan prejudis yang tinggi dalam kalangan mereka. Pemimpin yang dimaksudkan ini juga termasuk dalam kalangan parti pembangkang dan mereka menyifatkan pemimpin banyak mementingkan aspek peribadi dari kepentingan negara.

- xii. Dalam konsep 1Malaysia, para mahasiswa masih kabur memandangkan mereka tidak memahaminya secara mendalam. Tambahan pula, hanya mendapat maklumat melalui akhbar dan media sosial. Oleh itu, mereka melihatnya sebagai satu pendekatan politik dan ada menyamainya sebagai “1Israel”. Mereka juga melihat 1Malaysia sebagai satu konsep yang tidak menguntungkan dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.
- xiii. Dapatan kajian memberi gambaran bahawa penglibatan responden terhadap program berbentuk patriotisme dan pendedahan Gagasan 1Malaysia sangat minimum dan usaha untuk mengatasinya perlu dilakukan kerana ia boleh membawa kesan yang kurang sihat.

Menyedari mahasiswa Timur Tengah masih lagi kabur dan tidak memahami konsep 1Malaysia dan semangat patriotisme dalam diri yang belum mantap, dari segi pemikiran, semangat dan tindakan untuk mendepani masalah pembinaan negara dan umat. Menginsafi bahawa mahasiswa Timur Tengah amat berperanan dan impak yang tinggi dalam kepimpinan negara masa depan. Bertitik tolak dari ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi-agensi berwajib seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), kerajaan-kerajaan negeri (Yayasan Negeri dan Jabatan Agama Negeri) dan lain-lain agensi perlu memberi pendedahan, latihan dan peneraju dalam penjelasan dan pencerahan isu ini.

Kajian ini merumuskan bahagian penting dan rumusan utama yang boleh diangkat untuk perhatian dan tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, pimpinan negara dan masyarakat Islam secara keseluruhannya dengan slogan “Merakyat Pendekatan 1Malaysia dan Semangat Patriotisme Dalam Kalangan Mahasiswa Timur Tengah”.

1. Kajian ini mengakui bahawa menjadi tanggungjawab bersama untuk memperinci, memperkuuh kefahaman 1Malaysia dan semangat patriotisme berdasarkan pengalaman Malaysia melalui bahasa Melayu, Rukun Negara dan juga menghormati kemajmukan budaya dan agama
2. Menekankan bahawa 1Malaysia dan semangat patriotisme perlu diterapkan dalam kepimpinan Mahasiswa yang menjurus kepada usaha-usaha fahaman dari perspektif Islam
3. Menyediakan kursus 1Malaysia dan patriotisme sebelum mereka ke luar negara agar konsep dan dasar-dasar penting yang diperkenalkan kerajaan dapat difahami melalui saluran yang betul.
4. Pihak kerajaan perlu menggubal modul-modul latihan yang bercirikan nilai-nilai kenegaraan yang ada elemen kefahaman 1Malaysia dan semangat patriotisme untuk diketengahkan kepada golongan sasaran yang terdiri daripada pemimpin pelajar dan mahasiswa luar negara dan juga rakyat tempatan.
5. Memberi pemahaman 1Malaysia dan patriotism secara menyeluruh terutama melalui sambutan Hari Kemerdekaan dan hari kebesaran negara, sukan dan program bersifat kebeliaan dan santai.
6. Menyegearkan pelaksanaan bengkel, seminar dan kursus anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama YADIM, Institut Wasatiyyah Malaysia dan juga badan-badan Islam yang berkaitan dan memanfaatkan kerjasama dengan kumpulan pakar dan pemikir negara terutama lulusan pelajar dari Timur Tengah.
7. Merangka Pelan Strategik 5 tahun penghayatan 1Malaysia dan patriotisme dalam kalangan mahasiswa di luar negara bermula daripada tahun 2015 hingga 2020 bagi merealisasikan 1Malaysia seperti yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri.

8. Memaksimumkan peranan Jabatan Pendidikan Tinggi di luar negara dan menempatkan pusat 1Malaysia dan Patriotisme serta memaksimakan pegawai penerangan di Kedutaan Malaysia di Timur Tengah.
9. Memberi dana kewangan kepada persatuan pelajar di Timur Tengah dalam menjalankan program berbentuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan mereka.
10. Pihak Kedutaan dan Jabatan Pendidikan Tinggi di Timur Tengah perlu segera memberi penerangan dan penambahbaikan program yang berunsurkan elemen patriotisme kepada mahasiswa.

### **Kesimpulan**

Semangat patriotism dan 1Malaysia perlu diberi elemen-elemen keislaman agar ia bersesuaian dengan syariat Islam. Konsep 1Malaysia masih lagi kabur dalam kalangan mahasiswa yang memerlukan penjelasan dan pencerahan dari pihak kerajaan agar ia dapat maklumat yang jelas dan betul. Adalah dicadangkan program-program kepemimpinan mahasiswa dan kesepaduan dengan Gagasan 1Malaysia perlu dipertingkatkan dan diperbanyakkan untuk tujuan tersebut.

### **Bibliografi**

- Abdul Rahman Embong. (2001). *Negara-Bangsa Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abu Sufian Ab. Ghani. (2004). *Pembinaan Peradaban Ummah, Pemikiran dan Pendekatan Hasan al-Banna*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Hassan Ahmad. (2006). "Semangat cintakan negara vs semangat cintakan bangsa". *Utusan Online* (<http://utusan.com.my/utusan/archive.asp>). (Tarikh akses 4 Mei 2006)
- Hassan al-Banna. (2002). *Majmu'ah al-Rasa'il*. al-Qahirah: Dar al-Da'wah, p. 19.
- Kamaruddin Jaffar. (2000). *Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Pemikiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: IKDAS.
- Kamus Dewan. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara (2009). *Booklet 1Malaysia*, Putrajaya: Kementerian Penerangan.
- Khon, Hans. (1969). *The Idea of Nationalism*. Ontario: The MacMillan Company.



- Mohamad Idris Saleh. (1991). *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd Ayob Abd Razid. (2009). *Gagasan 1Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.
- Muhamad ‘Imarah. (2005). *al-Masru’ al-Hadari al-Islami*. al-Qahirah: Dar al-Salam. P. 140.
- R.Suntharalingam dan Abdul Rahman Ismail. (1985). *Nasionalisme satu Tinjauan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Roff, R. William. (2004). *Nasionalisme Melayu*. (terj. Ahmad Boestaman) Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siddiq Fadhil. (1992). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Smith, A.D. (1976). *Nasionalist Movement*. London: The MacMillan Press.
- Wan Hashim Wan Teh. (1985). “Cintakan Tanah Air Asas Nasionalisme Malaysia”. *Utusan Malaysia*, 31 Ogos.
- Wan Mohd Azam Mohd Amin. (1997). *Antara ‘Asabiyah dan Nasionalisme: Menurut Pandangan Dr. Burhanuddin Al-Helmy*. Kuala Lumpur: Penerbitan Baiduri
- \_\_\_\_\_. 1984. *Nasionalisme Arti dan Sejarahnya*. Jakarta: Penerbit Erlangga.

### **Temu bual**

- Aswadi Ali, Mahasiswa dan Setiausaha Persatuan Pelajar Malaysia di Mekkah, Cafe Felda, Menara Zamzam, Mekkah 2 Jun 2010.
- Mohd Syahid Syarifuddin, Exco Persatuan Akademi Quran, di Haiyyu Ashir, Kaherah, 5 Jun 2010.
- Pertemuan dengan Pelajar Malaysia di Amman di Pejabat Persatuan Pelajar Malaysia Jordan, Amman dan juga di Irbid 25 Julai 2011.
- Pertemuan dengan pelajar Malaysia Mekkah di Cafe Felda, Menara ZamZam pada 2 Jun 2010.
- Pertemuan dengan Mahasiswa Universiti Islam Madinah di Oborai Hotel, Madinah pada 3 Jun 2010.
- Pertemuan dengan Pelajar Selangor di Rumah Selangor, Kaherah 5 Jun 2010.
- Saifuddin Hussin, Pegawai Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia di Jordan, Kedutaan Malaysia di Jordan, Amman pada 24 Julai 2011.



Syed Fuad Othman, Mahasiswa Mesir dan Setiausaha ABIM  
Mesir, Di Hayyu Ashir, Kaherah pada 5 Jun 2010.  
Wan Mohd Akram, Mahasiswa Jordan di Hotel Amakin, Amman,  
Jordan. 22 Julai 2011.

